

**AMALAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN ELEMEN MERENTAS
KURIKULUM DALAM KALANGAN PENDIDIK TADIKA SWASTA****Teaching And Learning Practices of Cross-Curricular
Elements Among Private Preschool Educators****MASITAH BINTI MUSA**Universiti Selangor
masitah@unisel.edu.my**NORSYAHIDA BINTI MAT NAZIR**Universiti Selangor
norsyahida@unisel.edu.my**NORFAIZATULAKMA BINTI JOHARI**Universiti Selangor
akmajohari@unisel.edu.my**'ATHIRAH JANNAH BINTI AND RAHIM**Universiti Selangor
athirahjannah157@gmail.com**MUHAMMAD ALIF BIN AHMAD**Universiti Selangor
muhdas2507@gmail.com**Abstrak**

Elemen Merentas Kurikulum adalah nilai tambah yang diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran selain yang diterapkan dalam standard kandungan. Penerapan Elemen Merentas Kurikulum dapat menjadikan sesuatu pengajaran dan pembelajaran itu lebih menarik dan bermakna. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti amalan dan cabaran pengajaran serta cabaran dalam pengajaran dan pembelajaran Elemen Merentas Kurikulum dalam kalangan pendidik Tadika Swasta kepada kanak-kanak. Kajian tinjauan ini adalah berbentuk kuantitatif seramai 60 orang responden yang telah dipilih dalam daerah Kuala Selangor, Selangor. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan Statistical Package Social Sciences (SPSS) versi 25. Hasil dapatan kajian mendapati terdapat pelbagai teknik dan strategi dalam amalan pengajaran dan pembelajaran Elemen Merentas Kurikulum yang diamalkan oleh guru tadika swasta. Manakala cabaran dalam pelaksanaan Elemen Merentas Kurikulum pula tertumpu pada persekitaran bilik darjah dan penggunaan bahasa yang sesuai dengan perkembangan murid. Secara keseluruhannya, kajian ini mampu untuk membuktikan bahawa guru Tadika Swasta mempunyai amalan dan cabaran dalam pengajaran dan pembelajaran Elemen Merentas Kurikulum. Saranan kajian ini adalah diharapkan guru tadika swasta dapat menguasai elemen yang terdapat dalam Elemen Merentas Kurikulum dengan lebih baik serta tahap kesedaran atau pemahaman guru tadika swasta terhadap elemen merentas kurikulum masih boleh ditingkatkan dengan latihan dan sumber yang sesuai.

Kata kunci: *Pengajaran dan Pembelajaran, Elemen Merentas Kurikulum, Pendidik, Tadika Swasta, Kanak-kanak*

Abstract

The Cross-Curricular Elements are integral components incorporated into the teaching and learning process, extending beyond the content standards. These elements aim to enhance the engagement and meaningfulness of educational experiences. This study was designed to examine the practices and challenges related to the teaching and learning of Cross-Curricular Elements among private kindergarten educators. Specifically, the study sought to identify the techniques and strategies employed in teaching these elements, as well as the challenges faced by educators in their implementation within the context of early childhood education. The study utilized a quantitative survey design, with 60 respondents selected from the Kuala Selangor district in Selangor. Data collected were analyzed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 25. The findings revealed that private kindergarten teachers employ a variety of techniques and strategies in the delivery of Cross-Curricular Elements. However, the primary challenges identified in the implementation of these elements were related to the classroom environment and the use of appropriate language in relation to the developmental needs of the children. Overall, this research highlights that private kindergarten teachers engage in a wide range of practices and encounter several challenges when teaching and implementing Cross-Curricular Elements. The study recommends that educators continue to enhance their mastery of these elements through professional development and training. Additionally, it suggests that awareness and understanding of the Cross-Curricular framework can be further improved by providing teachers with suitable training programs and resources. This would ultimately support the effective implementation of the curriculum, ensuring a more meaningful and developmentally appropriate learning experience for children in private kindergarten settings.

Keywords: *Teaching and Learning, Cross-Curricular Elements, Educators, Kindergarten, Children.*

PENGENALAN

Pendidikan awal kanak-kanak diistilah kepada jangka masa atau tempoh masa kanak-kanak daripada kelahiran sehingga kepada umur lapan tahun. Menurut The National Association for

The Education of Young Children (NAEYC, 2011) atau Pertubuhan Kebangsaan, bagi Pendidikan Kanak-kanak Muda, Pendidikan awal kanak-kanak adalah merujuk kepada semua program pendidikan yang memberi layanan, asuhan dan bimbingan kepada kanak-kanak sejak lahir sehingga berusia lapan tahun. Selain itu, Pendidikan Awal Kanak-Kanak di Malaysia merujuk kepada program yang disediakan bagi kanak-kanak yang berumur sejak lahir sehingga lapan tahun. Ini termasuk jagaan di taman asuhan atau taman didikan, prasekolah atau sekolah rendah.

Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang dilaksanakan pada tahun 2010 telah disemak semula bagi memenuhi tuntutan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dan keperluan semasa. Penyemakan ini dilakukan bagi memastikan kualiti kurikulum yang dilaksanakan di prasekolah standing dengan standard antarabangsa. Di dalam KSPK juga terkandung satu elemen yang dapat membawa kepada kemenjadian modal insan yang berkualiti, elemen tersebut adalah Elemen Merentas Kurikulum.

Bermula dari tahun 2017, bidang kurikulum dalam sistem pendidikan ditambah baik mengikut keperluan Pembelajaran Abad Ke-21 dengan memperkenalkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah iaitu semakan 2017. Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah adalah berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran. Peredaran zaman telah mengubah gaya pembelajaran dan pengajaran antara murid dan guru masa kini bukan hanya sekadar proses pemindahan maklumat semata-mata. Oleh itu, Elemen Merentas Kurikulum diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi membolehkan murid mencapai tahap pencapaian penguasaan isi pembelajaran secara optimum (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016).

Elemen Merentas Kurikulum

Elemen Merentas Kurikulum adalah nilai tambah yang diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran selain yang diterapkan dalam standard kandungan. Penerapan Elemen Merentas Kurikulum dapat menjadikan sesuatu pengajaran dan pembelajaran itu lebih menarik dan bermakna. Melalui penerapan Elemen Merentas Kurikulum juga, kemahiran dan keterampilan modal insan yang dapat mengatasi cabaran semasa dan masa hadapan dapat dikukuhkan dan dapat dibentuk (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2011).

Elemen-elemen ini diterapkan untuk mengukuhkan lagi kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan (Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan, 2017). Ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berpengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. Elemen ini boleh diterapkan oleh pendidik secara langsung mahupun secara sisipan. Secara langsung yang dimaksudkan adalah dengan memfokuskan satu elemen sahaja dalam satu sesi pengajaran dan pembelajaran manakala yang dimaksudkan dengan sisipan adalah menggabungkan beberapa elemen dalam satu pengajaran dan pembelajaran.

Elemen-elemen di dalam Elemen Merentas Kurikulum adalah seperti:

- | | |
|-----------------------------|--------------------------------------|
| 1. Bahasa | 6. Kreativiti dan Inovasi |
| 2. Kelestarian Alam Sekitar | 7. Keusahawanan |
| 3. Nilai Murni | 8. Teknologi Maklumat dan Komunikasi |
| 4. Sains dan Teknologi | 9. Kelestarian Global |
| 5. Patriotisme | 10. Pendidikan Kewangan |

Permasalahan Kajian

Terdapat beberapa isu utama yang berkaitan dengan penerapan elemen-elemen ini dalam kurikulum Pendidikan di Malaysia. Menurut laporan dari World Bank dan analisis nasional oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), literasi Bahasa Inggeris masih rendah, khususnya di kawasan luar bandar dan dalam kalangan pelajar dari keluarga berpendapatan rendah. Ini menimbulkan cabaran dalam Elemen Merentas Kurikulum apabila bahasa tersebut digunakan dalam subjek utama seperti sains dan matematik, serta mengurangkan peluang pelajar untuk akses kepada sumber pengetahuan global yang kebanyakannya dalam bahasa Inggeris. Pendidikan dwibahasa menjadi salah satu strategi penting, namun ia perlu disertai dengan sumber, Latihan guru, dan pendekatan pengajaran yang berfokus pada pelajar supaya penguasaan bahasa kedua ini dapat diperkukuhkan (World Bank, 2024).

Tambahan pula, Elemen Merentas kurikulum seperti Sains dan teknologi mengutamakan penerapan teknologi dan pengetahuan saintifik dalam proses pembelajaran. Kajian Norezan Ibrahim et al. (2024), menunjukkan bahawa program pembelajaran berasaskan industri dalam bidang STEM memberikan impak yang signifikan dalam membantu pelajar memahami aplikasi teknologi sebenar. Namun, kekangan bajet dan kekurangan Latihan dalam kalangan guru menyebabkan akses kepada teknologi terkini terhad di banyak sekolah luar bandar. Untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran sains dan teknologi, penglibatan rakan industri dan pembekalan alat-alat teknologi seperti mikrokontroler atau robotik kepada sekolah rendah dan menengah disarankan untuk memberikan pengalaman sebenar kepada pelajar.

Isu lain dalam Elemen Merentas Kurikulum seperti dalam kajian oleh Idawarna Hasin et al. (2022) menunjukkan bahawa pandemik COVID-19 telah menunjukkan jurang digital dalam pendidikan, dengan pelajar luar bandar paling terjejas. Penyelidikan tersebut menyarankan bahawa pemulihan selepas pandemik harus memberi tumpuan kepada peningkatan akses kepada teknologi dan latihan untuk guru agar semua pelajar dapat memperoleh kemahiran ICT yang diperlukan untuk masa depan. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi meninjau situasi elemen merentas kurikulum dalam pengajaran bagi mendapatkan data terhadap perkara yang mempengaruhi amalan dalam elemen merentas kurikulum dalam kalangan guru tadika swasta.

METODOLOGI

Reka bentuk kajian merujuk kepada cara pengkaji menguruskan kajian dan prosedur atau teknik yang digunakan bagi menjawab persoalan kajian. Tujuan reka bentuk kajian adalah untuk mengawal faktor-faktor yang boleh mengganggu dapatan kajian (McMillan & Schumacher, 1984). Selain itu, reka bentuk kajian juga merupakan satu tatacara dalam pemerolehan data yang akan dipungut berdasarkan perancangan yang khusus dan sistematik terhadap konsep pembolehubah yang terlibat dalam suatu kajian (Kerlinger, 1970).

Oleh itu, kajian ini adalah berbentuk kajian tinjauan yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen utama. Set soal selidik akan membantu dalam menguji pengajaran dan

pembelajaran Elemen Merentas Kurikulum dalam kalangan pendidik Tadika Swasta. Pengkaji telah memilih kaedah kuantitatif dalam menjalankan kajian. Kaedah kuantitatif memudahkan pengumpulan responden dalam masa singkat kerana pautan soal selidik dapat dikongsikan dengan mudah kepada pendidik tadika swasta.

Instrumen Kajian

Borang soal selidik digunakan bagi mendapatkan data yang lebih mendalam dengan secara teliti dan berpandukan persoalan daripada objektif dan persoalan kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Seterusnya, setiap persoalan dibina berasaskan konstruk yang dirangka mengikut objektif kajian, membolehkan pengkaji memperoleh data secara lebih optimum melalui set soal selidik ini. Maka dengan set soal selidik ini dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan data dengan kadar yang lebih maksimum.

Dalam kajian ini, pengkaji telah melibatkan seramai 60 orang sampel kajian untuk dijadikan responden dalam mengkaji pengajaran dan pembelajaran Elemen Merentas Kurikulum dalam kalangan pendidik Tadika Swasta. Instrumen kajian yang digunakan adalah dengan menggunakan borang soal selidik yang diedarkan secara atas talian kepada pendidik Tadika Swasta. Dalam kajian ini, pengkaji membina soal selidik dengan item-item yang bersesuaian bagi memenuhi keperluan kajian soal selidik secara tepat. Ini juga bertujuan untuk mencari maklumat yang sempurna.

Borang soal selidik ini direka berdasarkan objektif kajian serta persoalan kajian bagi keperluan item-item yang disenaraikan. Borang soal selidik ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu bahagian A, bahagian B dan bahagian C. Skala Likert digunakan bagi memudahkan responden untuk memilih jawapan mengikut kenyataan mereka.

Jadual 1: Skala likert bagi pilihan jawapan borang soal selidik

	1	2	3	4	5
SKOR	Sangat Tidak Setuju (STS)	Tidak Setuju (TS)	Kurang Setuju (KS)	Setuju (S)	Sangat Setuju (SS)

Jadual 2: Tahap Kecenderungan Skor Min

Julat Min	Tahap
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

Lokasi dan Persampelan Kajian

Dalam kajian ini pengkaji telah memilih daerah Kuala Selangor, Selangor sebagai lokasi kajian dengan seramai 60 orang sampel kajian untuk dijadikan responden dalam kajian yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran Elemen Merentas Kurikulum iaitu dalam kalangan pendidik Tadika Swasta. Convenience sampling dan bertujuan dipilih bagi mendapatkan maklumat yang lebih tepat.

Tatacara Pengumpulan Data

Pengumpulan data dalam kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan Borang Soal Selidik. Borang soal selidik akan diedarkan kepada responden untuk menjawab beberapa soalan. Pengkaji berpendapat bahawa kaedah pengumpulan data ini sangat sesuai untuk digunakan dengan tajuk yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran Elemen Merentas Kurikulum dalam kalangan pendidik Tadika Swasta. Borang soal selidik ini diedarkan secara dalam talian di platform *WhatsApps*.

Tatacara Penganalisan Data

Dalam kajian ini, soal selidik dianalisis dengan menggunakan program *Statistical Package for The Social Science* (SPSS) versi 25 untuk menganalisis setiap item dalam soal selidik bagi mencari pekali Alpha Cronbach. Nilai pekali alpha Cronbach yang melebihi nilai 0.6 adalah boleh dipertimbangkan dan diterima (Muhammad Nidzam Yaakob, 2016). Disebabkan tahap pengukuran kajian ini berada pada aras nominal, maka dapatan kajian dianalisis secara deskriptif. Statistik deskriptif digunakan untuk menganalisis data yang diperoleh dengan mengukur nilai min serta sisihan piawai.

Jadual 3: Julat Pekali Alpha Cronbach

0.9	Cemerlang
0.8 hingga < 0.9	Sangat Baik
0.7 hingga < 0.8	Baik
0.6 hingga < 0.7	Sederhana
< 0.6	Lemah

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Elemen Merentas Kurikulum dalam Kalangan Pendidik Tadika Swasta.

Bahagian ini membincangkan mengenai jawapan kepada persoalan kajian yang telah diwujudkan.

Jadual 4: Analisis Statistik Nilai Min dan sisihan piawai Item Amalan Pengajaran Dan Pembelajaran Elemen Merentas Kurikulum Dalam Kalangan Pendidik Tadika Swasta.

Item	Sangat tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Pendekatan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran Elemen Merentas Kurikulum	1 (1.67%)	2 (3.33%)	6 (10.00%)	35 (58.33%)	16 (26.67%)	4.05	0.811	Sangat baik
Pendekatan Belajar Melalui Bermain dalam Pengajaran dan Pembelajaran Elemen Merentas Kurikulum.	0	0	4 (6.67%)	31 (51.67%)	25 (41.57%)	4.35	0.606	Sangat baik
Pendekatan Berpusatkan Murid	0	1	4	40	15	4.15	0.563	Sangat baik

dalam Pengajaran dan Pembelajaran Elemen Merentas Kurikulum.		(1.67%)	(6.67%)	(66.67%)	(25.00%)			
Pendekatan Bersepadu dalam Pengajaran dan Pembelajaran Elemen Merentas Kurikulum.	0	0	4 (6.67%)	38 (63.33%)	18 (30.00%)	4.23	0.563	Sangat baik
Pendekatan Bertema dalam Pengajaran dan Pembelajaran Elemen Merentas Kurikulum.	0	0	5 (8.33%)	31 (51.67%)	21 (35.00%)	4.27	0.607	Sangat baik
Pembelajaran Berasaskan Projek dalam Pengajaran dan Pembelajaran Elemen Merentas Kurikulum.	0	0	7 (11.67%)	37 (61.67%)	16 (26.67%)	4.15	0.606	Sangat baik
Teknik Simulasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Elemen Merentas Kurikulum	0	1 (1.69%)	5 (8.47%)	36 (61.02%)	17 (28.81%)	4.17	0.647	Sangat baik
Teknik Tunjuk Cara Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Elemen Merentas Kurikulum.	0	1 (1.67%)	3 (5.00%)	36 (60.00%)	20 (33.33%)	4.25	0.628	Sangat baik
Teknik Penyelesaian Masalah dalam Pengajaran dan Pembelajaran Elemen Merentas Kurikulum.	0	1 (1.67%)	3 (5.00%)	37 (61.67%)	19 (31.67%)	4.23	0.621	Sangat baik
Teknik Main Peranan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Elemen Merentas Kurikulum.	0	0	4 (6.67%)	39 (65.0%)	17 (28.33%)	4.22	0.555	Sangat baik

Berdasarkan Jadual 4 diatas, min tertinggi pada Amalan Pengajaran Dan Pembelajaran Elemen Merentas Kurikulum Dalam Kalangan Pendidik Tadika Swasta adalah pada item kedua iaitu “Pendekatan Belajar Melalui Bermain dalam Pengajaran dan Pembelajaran Elemen Merentas Kurikulum” dengan min sebanyak 4.35 dengan sisihan piawai 0.606. Data ini bermaksud bahawa majoriti guru tadika swasta melakukan aktiviti pendekatan belajar melalui bermain dengan murid. Bagi nilai min sederhana pula adalah pada item kesepuluh iaitu “Teknik Main Peranan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Elemen Merentas Kurikulum” dengan nilai min 4.22 dan sisihan piawai 0.555. Data ini memberi maksud bahawa Teknik Main Peranan diterima baik dalam kalangan guru tadika swasta dan dilihat sebagai strategi yang berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran elemen merentas kurikulum. Bagi min terendah pula adalah pada item kedua iaitu “Pendekatan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran Elemen Merentas Kurikulum” dengan nilai min 4.05 dengan sisihan piawai 0.811. Data ini bermaksud bahawa kebanyakan guru tadika mempunyai pandangan positif terhadap terhadap pendekatan ICT dalam elemen merentas kurikulum. Ini juga menandakan penerimaan yang baik dalam kalangan pendidik terhadap amalan ini. Oleh yang demikian, dari dapatan ini dapat dilihat bahawa guru tadika swasta menjalankan pelbagai strategi dan teknik dalam pengajaran sebagai salah satu Elemen Merentas Kurikulum.

Cabaran dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Elemen Merentas Kurikulum Dalam Kalangan Pendidik Tadika Swasta

Jadual 5: Analisis Statistik Nilai Min Item Cabaran Kepada Kanak-Kanak Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Elemen Merentas Kurikulum Dalam Kalangan Pendidik Tadika Swasta.

Item	Sangat tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Pengetahuan Guru Berkenaan Elemen Merentas Kurikulum	0	1 (1.66%)	9 (15.00%)	34 (56.67%)	16 (26.67%)	4.08	0.696	Sangat tinggi
Kesedaran Guru Berkenaan Elemen Merentas Kurikulum	0	2 (3.33%)	8 (13.33%)	34 (56.67%)	16 (26.67%)	4.07	0.733	Sangat tinggi
Minat Guru Berkenaan Elemen Merentas Kurikulum	0	2 (3.33%)	5 (8.33%)	36 (60.00%)	17 (28.33%)	4.13	0.700	Sangat tinggi
Bahan Bantu Mengajar	0	1 (1.66%)	6 (10.00%)	30 (50.00%)	23 (38.33%)	4.25	0.704	Sangat tinggi
Kemahiran Guru Terhadap Elemen Merentas Kurikulum.	0	1 (1.67%)	7 (11.67%)	29 (48.33%)	23 (38.33%)	4.23	0.722	Sangat tinggi
Persekitaran Pengajaran Dan Pembelajaran	0	1 (1.67%)	1 (1.67%)	37 (61.67%)	21 (35.00%)	4.30	0.591	Sangat tinggi
Penggunaan Bahasa Yang Sesuai Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran	0	0	3 (5.00%)	36 (60.00%)	21 (35.00%)	4.30	0.561	Sangat tinggi
Penerimaan Murid	0	1 (1.67%)	5 (8.33%)	35 (58.33%)	19 (31.67%)	4.20	0.659	Sangat tinggi
Teknik Pengajaran Guru Seperti Secara Tradisional	0	2 (3.33%)	9 (15.00%)	29 (48.33%)	20 (33.33%)	4.12	0.783	Sangat tinggi

Jadual 5 diatas menunjukkan skor min pada tiap-tiap item tentang Cabaran dalam Pengajaran Dan Elemen Merentas Kurikulum Dalam Kalangan Pendidik Tadika Swasta. Berdasarkan jadual 3 diatas, terdapat dua nilai min yang tertinggi iaitu pada item keenam “Persekitaran Pengajaran Dan Pembelajaran” dengan nilai min 4.30 dan sisihan piawai 0.591. Manakala item kesepuluh juga tertinggi iaitu “Penggunaan Bahasa Yang Sesuai Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran” dengan min sebanyak 4.30 dengan sisihan piawai 0.561. Hal ini menunjukkan bahawa persekitaran pengajaran dan pembelajaran dan penggunaan bahasa yang sesuai adalah cabaran tertinggi dalam kalangan guru tadika swasta. Bagi min terendah adalah pada item kedua iaitu “Kesedaran Guru Berkenaan Elemen Merentas Kurikulum” dengan min hanya 4.07 dan sisihan piawai 0.733. Ini masih lagi menunjukkan bahawa kesedaran yang baik dalam kalangan guru tadika swasta. Namun begitu, tahap kesedaran atau pemahaman guru tadika swasta terhadap elemen merentas kurikulum masih boleh ditingkatkan.

PERBINCANGAN KAJIAN

Dalam perbincangan ini, pengkaji membincangkan dapatan kajian berdasarkan persoalan kajian yang telah dijalankan.

Apakah amalan pengajaran dan pembelajaran Elemen Merentas Kurikulum dalam kalangan pendidikan Tadika Swasta?

Hasil dapatan menunjukkan guru tadika swasta melaksanakan pelbagai Teknik dan strategi sebagai amalan dalam pengajaran di tadika. Ini bermaksud guru tadika swasta mampu menyesuaikan teknik dan strategi pengajaran mereka mengikut keperluan elemen merentas kurikulum. Ini menunjukkan pendekatan Pendidikan yang proaktif dan fleksibel dalam kalangan guru tadika swasta untuk memenuhi keperluan pembelajaran kanak-kanak dengan lebih efektif. Pendekatan Belajar Melalui Bermain dalam Pengajaran dan Pembelajaran Elemen Merentas Kurikulum menunjukkan majoriti melaksanakan pendekatan ini dalam pengajaran dengan murid mereka. Ini selari dengan kajian oleh Chew dan Mohd Fikri Ismail (2020) mendapati bahawa sikap guru memberi impak yang signifikan terhadap keberkesanan pelaksanaan pembelajaran melalui bermain di tadika. Sikap positif guru terhadap kaedah bermain berkait rapat dengan hasil pembelajaran yang lebih baik untuk kanak-kanak. Pendekatan belajar melalui bermain juga dapat mengalakkan serta meningkatkan keyakinan kanak-kanak dalam bersosial bersama rakan-rakan atau orang sekeliling mereka serta dapat meningkatkan motivasi dalam diri kanak-kanak untuk terus bersemangat dalam belajar. Oleh itu, belajar melalui bermain adalah pendekatan yang sesuai untuk digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Elemen Merentas Kurikulum.

Apakah cabaran pengajaran dan pembelajaran Elemen Merentas Kurikulum dalam kalangan pendidik Tadika swasta?

Daripada analisis yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa cabaran pengajaran dan pembelajaran Elemen Merentas Kurikulum dalam kalangan pendidik Tadika Swasta yang tinggi adalah “persekitaran pengajaran dan pembelajaran” dan Penggunaan Bahasa Yang Sesuai Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran. Ini selari dengan kajian dari Nur Hanisah Radi dan Syawal Amran (2023) membincangkan aspek penting dalam pengurusan bilik darjah dan persekitaran fizikal yang menyokong pembelajaran kanak-kanak. Mereka mendapati bahawa persekitaran yang menyokong dapat meningkatkan penglibatan kanak-kanak dan membantu mencapai hasil pembelajaran yang lebih baik di tadika. Selain itu, kajian oleh Nur E’zzati Rusli dan Zamri Mahamod (2020) menunjukkan bahawa cabaran dalam pengajaran bahasa

melibatkan kepelbagaian tahap penguasaan dan keperluan murid yang berbeza dalam bilik darjah. Guru yang kurang menguasai pedagogi bahasa cenderung untuk menggunakan pendekatan pengajaran tradisional yang tidak sepenuhnya memenuhi keperluan pembelajaran murid. Pendekatan pengajaran yang lebih fleksibel dan responsif diperlukan, terutamanya dalam konteks pengajaran bahasa, bagi memastikan semua murid dapat belajar dengan cara yang sesuai dengan kemampuan mereka.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Terdapat sepuluh elemen yang terdapat dalam Elemen Merentas Kurikulum dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan 2017. Daripada hasil kajian dapat dilihat bahawa guru tadika swasta mengamalkan pelbagai teknik dan strategi dalam pengajaran mereka. Dengan menggabungkan pelbagai teknik dan strategi ini, guru-guru tadika swasta berusaha untuk menyediakan pengalaman pembelajaran yang menyeluruh dan berkesan. Namun, cabaran dalam pelaksanaan Elemen Merentas Kurikulum tetap wujud, seperti kurangnya sokongan sumber, kekangan masa dalam silibus, dan kesukaran untuk menyepadukan pelbagai subjek dalam satu aktiviti pembelajaran. Cabaran ini boleh menyebabkan objektif pembelajaran tidak tercapai sepenuhnya. Oleh itu, pendidik perlu mengenal pasti strategi untuk mengatasi masalah ini, seperti menggunakan teknologi untuk memperkayakan pengajaran atau merancang aktiviti yang lebih berfokus dan relevan dengan kehidupan seharian pelajar.

Justeru, beberapa cadangan kajian yang dapat dikemukakan agar dapat menambah lagi dapatan dari kajian ini. Pertama, kajian akan datang pengkaji perlu melakukan kajian perbandingan antara Tadika Swasta dan Prasekolah Kebangsaan. Ini membolehkan pengkaji mengkaji faktor seperti latihan guru, latar belakang sekolah, pengalaman guru memberi impak terhadap keberkesanan pendekatan pengajaran yang digunakan. Selain itu, pengkaji juga berharap agar kajian ini diperkembangkan lagi di daerah, negeri atau kawasan yang lain.

Rujukan

- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2016). *Dokumen standard kurikulum dan pentaksiran prasekolah*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2016). *Panduan pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2017). *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK)*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Chew, F. P., & Mohd Fikri Ismail. (2020). Pelaksanaan pendekatan bermain dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu murid prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 9(1), 14–25. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol9.1.2.2020>
- Idawarna Hasin, Rashidah Othman, Noor Syahida Abdullah, Kartina Mohd Yusoff & Mohd Roslan Ab Rahman. (2022). Isu dan cabaran pembelajaran digital dalam transformasi pendidikan negara pasca COVID-19. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 15(2), 23–32. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPB/article/view/7599/4313>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK)*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kerlinger, F. N. (1970). *Foundations of behavioral research* (2nd ed.). Holt, Rinehart & Winston.
- McMillan, J. H., & Schumacher, S. (1984). *Research in education: A conceptual introduction*. Little, Brown.

- Muhammad Nidzam Yaakob. (2016). *Pembangunan model kurikulum M-Pembelajaran teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran di IPG* [Doctoral dissertation, University Utara Malaysia]. https://etd.uum.edu.my/6945/1/s95922_01.pdf.
- National Association for the Education of Young Children (NAEYC). (2011). *Developmentally appropriate practice in early childhood programs serving children from birth through age 8* (3rd ed.). Washington, DC.
- Norezan Ibrahim, Mawarni Mohamed, Seshaiyer, P., Nor Syazwani Mohd Rasid, Siti Fairuz Dalim, Muhamad Furkan Mat Salleh, Mohamda Hisyam Ismail, & Mohammad Mubarrak Mohd Yusoff. (2024). Enhancing prospective educators' readiness through multidisciplinary collaboration in STEM education: An analysis of students enrolled in Science and Mathematics majors at a public university in Malaysia. *Asian Journal of University Education (AJUE)*, 20(2), 303–315. <https://ajue.uitm.edu.my/wp-content/uploads/2024/07/5-Norezan-STEM-EDUCATION.pdf>.
- Nur E'zzati Rusli & Zamri Mahamod. (2023). Tahap Kemahiran Pedagogi, Motivasi dan Sikap Guru-Guru Bukan Opsyen Bahasa Melayu di Sekolah Rendah (The level of pedagogy skills, motivation, and attitude of non-option primary school teachers in Malay language teaching). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (Malay Language Education Journal)*, 13(1), 11-24. <https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/339/230>
- Nur Hanisah Radi, & Syawal Amran. (2023). Strategi dan cabaran pelaksanaan pendekatan pembelajaran terbeza dalam kalangan guru di sekolah rendah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(5), 1–16. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i5.2336>.
- World Bank. (2024, April 25). *Improving early education essential to improve skills in Malaysia, support long-term growth, World Bank report says*. <https://www.worldbank.org/en/news/press-release/2024/04/25/improving-early-education-essential-to-improve-skills-in-malaysia-support-long-term-growth-world-bank-report-says>.